

Penerokaan kemahiran terarah sendiri melalui analisis sumber teks Sejarah

Exploring Self Directed Skills through Historical Text Sources Analysis

M.Kaviza

Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden
Universiti Utara Malaysia
e-mel: kavizakaviza@yahoo.com

DOI: <https://doi.org/10.37134/ejoss.vol5.1.6.2019>

Abstrak

Kajian eksperimen ini bertujuan untuk mengenalpasti sama ada kemahiran terarah sendiri dapat dijana melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran Sejarah dengan menganalisis sumber teks sejarah. Seramai 55 orang murid Tingkatan Empat yang dipilih melalui teknik persampelan *cluster* terlibat dalam kajian ini. Soal selidik yang diadaptasi dan disahkan oleh pakar penilai serta mempunyai nilai kebolehpercayaan yang baik merupakan instrumen kajian ini. Data kajian ini telah dianalisis secara deskriptif dan inferensi iaitu ujian-t sampel berpasangan melalui perisian *IBMSPSS*. Dapatan kajian ini menunjukkan tahap kemahiran terarah sendiri berada pada tahap sederhana dan terdapat peningkatan kemahiran terarah sendiri antara ujian pra dan ujian pasca dalam kalangan murid. Implikasi kajian ini mendapati bahawa pelaksanaan aktiviti menganalisis sumber-sumber teks sejarah adalah berpotensi untuk menjana kemahiran terarah sendiri dalam diri murid-murid bagi membentuk proses pembelajaran yang lebih bermakna berdasarkan pendekatan konstruktivis yang disarankan dalam kurikulum Sejarah.

Kata kunci: Analisis, kemahiran terarah sendiri, sumber teks sejarah

Abstract

The experimental study aims to identify whether self-directed skills can be enhanced through the activity of analyzing historical texts sources. A total of 55 form four students were selected through cluster sampling techniques involved in this study. The adapted and validated questionnaire by the content expert which has a good reliability values is the instrument of this study. The data of this study were analyzed descriptively and inferred such as a pair sample t-test through *IBMSPSS* software. The findings showed that the self-directed skills at moderate level and there are significant mean difference on self-directed skills between pre-test and post-test among students. The implication of this study indicated that implementation of analyzing the historical texts sources activity in the classroom has the good potential to generate self-directed skills among students, in line to create the meaningful learning process based on the constructivist approaches as suggested in the History curriculum.

Keywords: Analysis, self-directed learning, historical text sources

PENGENALAN

Perkembangan pesat dalam sistem pendidikan Malaysia dalam memenuhi tuntutan dan cabaran semasa melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013–2025, (Kementerian Pendidikan Malaysia, (KPM), 2013) telah mewujudkan taksonomi pembelajaran alaf baru iaitu kemahiran abad ke-21. Kemahiran tersebut memainkan peranan penting dalam proses mentransformasikan budaya belajar di dalam kelas dengan menjadikan proses penyampaian pengajaran dan pembelajaran yang luwes,

disamping membentuk kemahiran kolaboratif, kemahiran berfikir kritis dan kreatif serta kemahiran komunikasi (Maimunah Nasir & Hashimah Mohd Yunus, 2017; Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK), 2015, 2003; Badrul Hisham Alang Osman, 2016; Mistirine Radin, 2018). Selaras dengan proses transformasi budaya belajar tersebut, sistem pendidikan Sejarah di Malaysia melalui pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) turut mengalami perubahan dalam pendekatan pengajaran dan pembelajaran dengan menekankan strategi pembelajaran berpusatkan murid bagi meningkatkan kemahiran mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta maklumat sejarah yang tepat (PPK, 2015; 2003) yang merupakan antara objektif kurikulum Sejarah yang perlu dicapai dalam kalangan murid. Justeru, tidak dapat dinafikan bahawa objektif kurikulum sejarah tersebut hanya dapat dicapai sekiranya kemahiran terarah sendiri dapat dibentuk, dijana dan diterapkan secara maksimumnya dalam diri seseorang murid. Hal ini demikian keranapenjanaan kemahiran terarah sendiri yang baik dapat menjadikan murid-murid untuk terus kompeten dalam proses pembelajaran dan seterusnya dapat mewujudkan proses pembelajaran sepanjang hayat (Knowles, 1975; Brockett & Himestra, 1991; PPK, 2015, 2003; Adenan Ayob & Nazri Abu Bakar, 2018). Oleh kerana disiplin sejarah mempunyai ciri yang tersendiri yang menekankan kepada ruang pembelajaran untuk mencari kebenaran tentang masa lalu, maka murid-murid perlu didedahkan kepada persoalan pemikiran inkuiri iaitu apa, bila, siapa, dimana, mengapa dan bagaimana setiap kali semasa mereka belajar sejarah yang mana kesemua persoalan pemikiran inkuiri tersebut dapat dijawab apabila murid-murid terlibat dengan aktiviti analisis sumber teks sejarah yang dilakukan secara sistematik dan teratur dengan topik pelajaran bagi membentuk suatu pemahaman dan pentafsiran sejarah yang kritis (PPK, 2003, 2015; Macedo-Rouet, Braasch, Britt & Rouet, 2013; Merkt, Werner & Wagner, 2017; Reisman, 2012). Sungguhpun begitu, adalah diakui bahawa penggunaan sumber teks sejarah seperti ensklopedia, buku teks, majalah, risalah, keratan akhbar, risalah dan sebagainya merupakan antara contoh-contoh karya teks bertulis yang menjadi sumber maklumat dan rujukan kepada penerangan dan kesahihan sesuatu fakta, kejadian atau siri peristiwa yang telah lepas (Hazri Jamil, 2003; Wang, Hicks, Quigley & Luthr, 2019; Hover, Hicks & Dack, 2016).

PERNYATAAN MASALAH

Tidak dapat disangkal bahawa kaedah analisis sumber teks sejarah merupakan antara strategi pembelajaran yang berpusatkan murid yang melibatkan aktiviti *minds on* dan *hands on* bagi membentuk suasana pembelajaran aktif seperti yang disarankan dalam pendekatan pembelajaran konstruktivis iaitu menggalakkan proses pembentukan maklumat secara terarah sendiri berdasarkan pengalaman pembelajarannya yang sedia ada (Terhart, 2003; Bada, 2015; Tal, Levin-Peect & Levy, 2019; Apaolaza-Liorento & Arguero, 2019). Sehubungan dengan itu, guru-guru sejarah perlulah mengambil inisiatif untuk menggalakkan murid-murid untuk membuat analisis, tafsiran secara amalan terarah sendiri dalam proses pengkajian sejarah, di samping membimbing mereka untuk menentukan keperluan pembelajarannya, membentuk matlamat pembelajarannya dan sumber untuk belajar, memilih dan melaksanakan strategi pembelajaran yang sesuai dan seterusnya menilai hasil pembelajaran mereka masing-masing (Knowles, 1975; Candy, 1991; Guglielmino & Guglielmino, 1991). Hal ini demikian kerana murid-murid yang dapat belajar secara arahan sendiri sentiasa berasa cekal, mempunyai sifat ingin tahu, peka, bertanggungjawab dan berdikari atas proses pembelajaran mereka, di samping mereka juga dapat membina persekitaran pembelajaran melalui proses pengalaman, penemuan, pengukuhan dan menghubungkan persekitaran pembelajaran dengan maklumat-maklumat yang telah dipelajari (Ors, 2018; Tillema, 2000; Hewitt-Taylor, 2002). Sungguhpun begitu, sejauh manakah keberkesanan penjanaan kemahiran terarah sendiri melalui proses analisis sumber-sumber teks sejarah masih belum diketahui lagi walaupun kajian-kajian lepas telah membuktikan bahawa proses penerokaan sumber-sumber sejarah dapat meningkatkan kemahiran, minat, penglibatan dan literasi sejarah (Reisman, 2012; Nokes, 2014; Nofiyah Mardiani, Umasih & Murni Winasih, 2019; Howard, 2019; Willey, Griffin, Steffens & Britt, 2019; Hill & Fitzpatrick, 2019). Kelompangan ini telah menimbulkan satu keperluan kepada pengkaji dalam kajian ini

untuk mengenal pasti tahap kemahiran terarah sendiri dan mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan min kemahiran terarah sendiri antara ujian pra dan ujian pasca bagi murid-murid yang mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran sejarah melalui aktiviti analisis sumber teks sejarah dalam kalangan murid.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Mengetahui tahap kemahiran terarah sendiri dan konstruksinya iaitu pengurusan sendiri, keazaman belajar dan kawalan sendiri.
2. Mengetahui sama ada terdapat perbezaan min kemahiran terarah sendiri dan konstruksinya iaitu pengurusan sendiri, keazaman belajar dan kawalan sendiri antara ujian pra dan ujian pasca.

SOALAN KAJIAN

Soalan kajian ini adalah seperti berikut:

1. Adakah tahap kemahiran terarah sendiri dan konstruksinya iaitu pengurusan sendiri, keazaman belajar dan kawalan sendiri?
2. Adakah terdapat perbezaan min kemahiran terarah sendiri dan konstruksinya iaitu pengurusan sendiri, keazaman belajar dan kawalan sendiri antara ujian pra dan ujian pasca?

HIPOTESIS KAJIAN

Hipotesis nul yang dibentuk bagi menjawab objektif dan soalan kajian 2 adalah seperti berikut:

- H_{o1} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan min kemahiran terarah sendiri antara ujian pra dan ujian pasca
- H_{o1a} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan min pengurusan sendiri antara ujian pra dan ujian pasca
- H_{o1b} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan min keazaman belajar antara ujian pra dan ujian pasca
- H_{o1c} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan min kawalan sendiri antara ujian pra dan ujian pasca

METODOLOGI KAJIAN

Kajian eksperimen dengan reka bentuk praeksperimen iaitu ujian pra-ujian pasca satu kumpulan (Cohen, Manion & Morrison, 2007) ini melibatkan 55 orang murid Tingkatan Empat yang dipilih melalui teknik persampelan *cluster* dari sebuah sekolah menengah harian di utara Semenanjung Malaysia. Instrumen kajian ini merupakan soal selidik yang diadaptasi daripada *Self Directed Learning Readiness Scale* (Fisher, King & Toque, 2001) yang terdiri daripada 40 item dengan menggunakan skala likert lima mata. Instrumen kajian tersebut juga telah disahkan oleh dua orang pakar penilai serta mempunyai nilai kebolehpercayaan *Cronbach Alpha* iaitu 0.93 yang dianggap baik dan boleh diterima untuk tujuan kajian ini (Nunnally, 1978). Dalam kajian ini, pengkaji telah merekabentuk empat aktiviti menganalisis sumber teks sejarah bagi topik Tamadun Awal Manusia. Data kajian ini telah dianalisis secara deskriptif dan

inferensi iaitu ujian-t Sampel Berpasangan melalui perisian *IBM SPSS Statistic*. Interpretasi min dan tahap kemahiran terarah sendiri dalam kajian ini pula telah dilakukan berdasarkan tiga tahap min yang diadaptasi daripada kajian Jamil Ahmad, (2002) seperti ditunjukkan pada Jadual 1.

Jadual 1: Interpretasi Min dan Tahap Min Kemahiran Terarah Kendiri

Min	Tahap Min
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.66	Sederhana
3.67 – 5.00	Tinggi

Sumber: Adaptasi daripada Jamil Ahmad, (2002)

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Soalan kajian 1

Tahap kemahiran terarah sendiri

Berdasarkan statistik deskriptif pada Jadual 2, tahap kemahiran terarah sendiri ($M=3.63$, $SD=0.50$) berada pada tahap sederhana secara keseluruhannya. Dari segi konstruksya pula, tahap pengurusan sendiri ($M=3.59$, $SD=0.60$) dan kawalan sendiri ($M=2.93$, $SD=0.75$) berada pada tahap sederhana, manakala tahap keazaman belajar ($M=3.75$, $SD=0.63$) berada pada tahap tinggi. Maka, dapat dirumuskan bahawa tahap kemahiran terarah sendiri serta dua konstruksya (pengurusan sendiri dan kawalan sendiri) berada pada tahap sederhana walaupun hanya konstruk keazaman belajar berada pada tahap tinggi dalam kalangan murid yang mengikuti pengajaran dan pembelajaran Sejarah dengan menganalisis sumber teks sejarah dalam kajian ini. Tahap kemahiran terarah sendiri yang berada pada tahap sederhana dalam kajian ini adalah selari dengan dapatan kajian Cowgill dan Waring (2017) dan Kaviza (2018) yang mendapati bahawa tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap murid terhadap penggunaan sumber sejarah berada pada tahap sederhana. Sungguhpun begitu, tahap bagi konstruk keazaman belajar yang tinggi yang dilaporkan selepas murid-murid mengikuti aktiviti pengajaran dan pembelajaran sejarah dengan menganalisis sumber teks sejarah dalam kajian ini adalah bertepatan dengan pendapat Gibbons, (2005) dan Siska (2019) yang telah menerangkan bahawa murid-murid yang mempunyai kemahiran-kemahiran terarah sendiri yang baik mampu untuk melakukan proses pembelajarannya dengan bersungguh-sungguh dan secara tidak langsung mereka berupaya untuk meningkatkan motivasi, minat dan sikap positif dalam mencari sesuatu maklumat sejarah yang diperlukan secara berdikari tanpa lingkungan kawalan guru.

Jadual 2: Statistik Deskriptif Kemahiran Terarah Kendiri dan Konstruk-konstruk

	Kemahiran terarah sendiri		Pengurusan sendiri		Keazaman belajar		Kawalan sendiri		
	<i>N</i>	<i>M</i>	<i>SD</i>	<i>M</i>	<i>SD</i>	<i>M</i>	<i>SD</i>	<i>M</i>	<i>SD</i>
Ujian Pasca		3.63	0.50	3.59	0.60	3.75	0.63	3.57	0.58
	55	Sederhana		Sederhana		Tinggi		Sederhana	

Soalan kajian 2

Perbezaan min kemahiran terarah sendiri

Berdasarkan statistik deskriptif pada Jadual 3, min kemahiran terarah sendiri ($M=3.63$, $SD=0.50$) dalam ujian pasca adalah lebih tinggi daripada ujian pra ($M=2.96$, $SD=0.66$). Keputusan ujian-t Sampel Berpasangan pada Jadual 3 telah melaporkan bahawa terdapat perbezaan min antara ujian pra dan ujian pasca bagi kemahiran terarah sendiri [$t(54)=-6.21$, $p=0.00$]. Justeru, H_{01} berjaya ditolak. Maka, dapat disimpulkan bahawa terdapat peningkatan min kemahiran terarah sendiri antara ujian pra dan ujian pasca bagi murid-murid yang mengikuti pengajaran dan pembelajaran Sejarah dengan menganalisis sumber teks sejarah dalam kajian ini. Adalah diakui bahawa bahawa peningkatan kemahiran terarah sendiri yang dipamerkan oleh murid-murid yang mengikuti aktiviti pembelajaran yang telah direkabentuk dalam kajian ini adalah konsisten dengan pendapat Reisman, (2012), Willey et al (2019) dan Nokes (2014) dalam kajiannya yang telah menjelaskan bahawa sumber teks sejarah yang disediakan berdasarkan kebolehan dan kemampuan murid-murid dapat mewujudkan persekitaran pembelajaran yang berbentuk multidimensi yang melibatkan beberapa aktiviti atau penggunaan sumber teks sejarah secara serentak yang dapat meningkatkan kemahiran-kemahiran, kognitif, psikologikal dan afektif, di samping secara tidak langsung murid-murid dapat membina pengetahuan sejarah dengan sendiri secara aktif.

Jadual 3: Ujian-t Sampel Berpasangan bagi Min Kemahiran Terarah Kendiri

	Perbezaan pasangan						<i>t</i>	<i>df</i>	<i>p</i>
	Min	Sisihan piawai	Min ralat piawai	99% selang keyakinan bagi perbezaan					
				Bawah	Atas				
Pasangan pra – pasca kemahiran terarah sendiri	-0.67	0.80	0.11	-0.88	-0.45	-6.21	54	0.00	

(a) Perbezaan min pengurusan sendiri

Berdasarkan statistik deskriptif pada Jadual 4, min pengurusan sendiri ($M=3.59$, $SD=0.60$) dalam ujian pasca adalah lebih tinggi daripada ujian pra ($M=2.83$, $SD=0.75$). Keputusan ujian-t Sampel Berpasangan pada Jadual 4 telah melaporkan bahawa terdapat perbezaan min antara ujian pra dan ujian pasca bagi pengurusan sendiri [$t(54)=-6.61$, $p=0.00$]. Justeru, H_{01a} berjaya ditolak. Maka, dapat disimpulkan bahawa terdapat peningkatan min pengurusan sendiri antara ujian pra dan ujian pasca bagi murid-murid yang mengikuti pengajaran dan pembelajaran Sejarah dengan menganalisis sumber teks sejarah dalam kajian ini. Hal ini demikian kerana pengurusan sendiri membolehkan murid-murid sentiasa bersikap terbuka dan bertanggungjawab dengan proses pembelajaran mereka dengan membuat keputusan yang rasional tentang apa, bila dan bagaimana untuk belajar sama ada dalam bentuk konteks individu mahu pun dalam bentuk konteks sosial seperti diutarakan oleh Gibbons, (2005) dalam kajiannya. Tambahan pula, murid-murid yang mempratikkan amalan pengurusan sendiri yang baik dapat memiliki arah, kriteria dan prinsip yang jelas dalam usahanya untuk mencapai hasil dan matlamat pembelajarannya yang dihasratkan dan ditetapkan (Srikumar Chakravarthi & Priya Vijayan, 2010; Dynan, Ctae & Rhie, 2008).

Jadual 4: Ujian-t Sampel Berpasangan bagi Min Pengurusan Kendiri

	Perbezaan pasangan					<i>t</i>	<i>df</i>	<i>p</i>
	Min	Sisihan piawai	Min ralat piawai	99% selang keyakinan bagi perbezaan				
				Bawah	Atas			
Pasangan pra – pasca pengurusan sendiri	-0.76	0.92	0.12	-1.01	-0.51	-6.14	54	0.00

(b) Perbezaan min keazaman belajar

Berdasarkan statistik deskriptif pada Jadual 4 min kemahiran keazaman belajar ($M=3.75$, $SD=0.63$) dalam ujian pasca adalah lebih tinggi daripada ujian pra ($M=3.17$, $SD=0.74$). Keputusan ujian-t Sampel Berpasangan pada Jadual 5 telah melaporkan bahawa terdapat perbezaan min antara ujian pra dan ujian pasca bagi keazaman belajar [$t(54)=-4.24$, $p=0.00$]. Justeru, H_{01b} berjaya ditolak. Maka, dapat disimpulkan bahawa terdapat peningkatan min keazaman belajar antara ujian pra dan ujian pasca bagi murid-murid yang mengikuti pengajaran dan pembelajaran Sejarah dengan menganalisis sumber teks sejarah dalam kajian ini. Keazaman untuk belajar mata pelajaran sejarah yang terus meningkat selepas mengikuti pengajaran dan pembelajaran sejarah dalam kajian ini adalah selari dengan dapatan kajian Merkt, Werner dan Wagner, (2017) dan Howard (2019) yang telah menjelaskan bahawa murid-murid yang menganalisis sumber teks sejarah melalui aplikasi portal secara digital dapat meningkatkan minat belajar mata pelajaran sejarah disebabkan oleh mereka dapat membuat hubung kait antara satu maklumat dengan satu maklumat sejarah yang lain dengan baik. Hal ini demikian kerana murid yang minat dengan proses pembelajaran mereka sentiasa berusaha untuk meningkatkan literasi belajar dan seterusnya menyumbang kepada proses pembelajaran yang lebih cekap dan berkesan.

Jadual 5: Ujian-t Sampel Berpasangan bagi Min Keazaman belajar

	Perbezaan pasangan					<i>t</i>	<i>df</i>	<i>p</i>
	Min	Sisihan piawai	Min ralat piawai	99% selang keyakinan bagi perbezaan				
				Bawah	Atas			
Pasangan pra – pasca keazaman belajar	-0.58	1.01	0.14	-0.85	-0.31	-4.24	54	0.00

(c) Perbezaan min kawalan sendiri

Berdasarkan statistik deskriptif pada Jadual 4, min kawalan sendiri ($M=3.57$, $SD=0.58$) dalam ujian pasca adalah lebih tinggi daripada ujian pra ($M=2.93$, $SD=0.75$). Keputusan ujian-t Sampel Berpasangan pada Jadual 6 telah melaporkan bahawa terdapat perbezaan min antara ujian pra dan ujian pasca bagi kawalan sendiri [$t(54)=-5.41$, $p=0.00$]. Justeru, H_{01c} berjaya ditolak. Maka, dapat disimpulkan bahawa terdapat peningkatan min kawalan sendiri antara ujian pra dan ujian pasca bagi murid-murid yang mengikuti pengajaran dan pembelajaran Sejarah dengan menganalisis sumber teks sejarah dalam kajian ini. Oleh kerana kawalan sendiri memainkan peranan penting dalam proses pembelajaran sebagai cara memproses maklumat bagi menggunakan pengalaman pembelajaran yang diperolehi, maka peningkatan yang lebih baik yang ditunjukkan oleh murid-murid yang menjalani aktiviti pengajaran dan pembelajaran sejarah dengan menganalisis sumber teks sejarah dalam kajian ini adalah bertepatan dengan pendapat Guglielmino dan Guglielmino (1991) dan Grow (1975). Kedua-dua pengkaji tersebutlah mengakuibahawa proses pembelajaran yang mampu untuk menggalakkan pembinaan dan pengaplikasian sesuatu pengetahuan yang diperolehinya dapat menjadikan seseorang murid itu sebagai seorang

perekabentuk pembelajar ilmu yang bersifat aktif bukannya sebagai penerima ilmu yang bersifat pasif. Hal ini demikian kerana murid-murid dapat memantau kemajuan mereka sendiri agar mereka lebih bertanggungjawab dan berdikari untuk belajar mengikut minat, keperluan, tahap kemampuan dan stail pembelajaran mereka secara berterusan pada masa akan datang.

Jadual 6: Ujian-t Sampel Berpasangan bagi Min Kawalan Kendiri

	Min	Sisihan piawai	Min ralat piawai	Perbezaan pasangan		t	df	p
				99% selang keyakinan bagi perbezaan				
				Bawah	Atas			
Pasangan pra – pasca kawalan sendiri	-0.64	0.88	0.12	-0.88	-0.40	-5.41	54	0.00

KESIMPULAN

Kesimpulannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kemahiran terarah sendiri dapat ditingkatkan dalam kalangan murid melalui pelaksanaan aktiviti menganalisis sumber teks sejarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Implikasi kajian ini telah mencadangkan kepada pelaksanaan kaedah pengajaran dan pembelajaran berasaskan penggunaan sumber-sumber teks sejarah di dalam kelas. Hal ini demikian kerana aktiviti analisis berupaya untuk menjana kemahiran terarah sendiri dalam diri murid-murid yang merupakan salah satu ciri dalam pendekatan konstruktivis yang disarankan dalam kurikulum sejarah yang perlu diamalkan selaras dengan perkembangan strategi pembelajaran abad ke-21. Justeru, guru-guru Sejarah perlulah bijak menerapkan kemahiran terarah sendiri bersama-sama dengan mengambil kira tahap atau araskebolehan kognitif murid semasa pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran sejarah berasaskan analisis sumber teks sejarah secara efisien dan teratur di dalam kelas.

RUJUKAN

- Adenan Ayob & Nazri Abu Bakar. (2018). Interpretasi Hubungan Pembelajaran Terarah kendiridengan Kebolehcapaian kognitif Berasaskan Fahaman Konstruktivis. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3(10), 75-87.
- Apaolaza-Liorente, D & Arguero, B.E. (2019). Doing history: Historical sources and active methodologies to foster historical thinking in secondary school. *ENSAYOS: Revista de la Facultad de Education de Albacete*, 34(1), 29-40.
- Bada, S.O. (2015). Constructivisme learning theory: a paradigm for teaching and learning. *Journal of Research & Methods in Education*, 5(6), 66-70.
- Badrul Hisham Alang Osman (2016). Amalan pengajaran dan pembelajaran abad ke-21 dalam kalangan pensyarah Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, 10, 1-25.
- Brokett, R.G & Hiemstra, R. (1991). *Self-directed in adult learning: perspectives on theory, research and practice*. London: Routledge.
- Candy, P.C. (1991). *Self direction for life long learning: A comprehensive guide to theory and practice*. San Fransico; Jose Bass
- Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2007). *Research Methods in Education* (6th Edition). London: Routledge Falmer.
- Cowgill II, D.A., & Waring, S.M. (2017). Historical Thinking: An Evaluation of Student and Teacher Ability to Analyze Sources. *Journal of Social Studies Education Research*. 8(1), 115-145.
- Dynn, L, Cate, T & Rhie, K. (2008). The impact of learning structure on student’s readiness for self directed learning. *Journal of Education of Business*, 84(2), 96-100.

- Fisher, M., King, J., Taque, G. (2001). Development of a self-directed readiness for nursing education. *Nurse Educ Today*, 21, 516-525. Retrieved from: <http://ccnmtl.columbia.edu>
- Gibbons, M. (2005). *Self directed learning*. Retrieved from: www.selfdirectedlearning.com
- Grow, G.O. (1991). Teaching learners to be self-directed. *Adults Education Quarterly*, 41(3), 125-149.
- Guglielmino, L.M., & Guglielmino, P.J. (1991). *The learning preference assesment facilitator guide*. Pennsylvania: Organisational Design and Development.
- Hazri Jamil. (2003). *Teknik mengajar Sejarah*. Pahang: PTS Publications & Distributors.
- Hewitt-Taylor, J. (2002). Teachers and students' views on self-directed learning. *Nursing Standard*, 17(1), 33-38.
- Hill, E.W & Fitzpatrick, C. (2019). Impact of primary sources activities on students understanding, engagement and interest, *Proceedings of students in Teaching-2019 Research Digest*, 13-18.
- Hover, S.V., Hicks, D., & Dack, H. (2016). From source to evidence? Teachers' use of historical sources in their classrooms. *The Social Studies*, 107(6), 209-217.
- Howard, T. (2019). How do students engage with visual sources in the teaching and learning of history? *British Educational Research Journal*, 1-15.
- Jamil Ahmad. (2002). *Pemupukan Budaya Penyelidikan di Kalangan Guru di Sekolah: Satu Penilaian*. Tesis Kedoktoran Universiti Kebangsaan Malaysia yang tidak diterbitkan.
- Kaviza, M. (2018). *Pengetahuan, Kemahiran dan Sikap Terhadap Penggunaan Sumber Sejarah di Sekolah Menengah: Perspektif Murid*. Prosiding Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam (MEDC 2018), Universiti Sultan Zainal Abidin, 11-22.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia
- Knowles, M. (1975). *Self-Directed Learning: A Guide for learners and teachers*. New York: Associated Press.
- Knowles, M.S. (1975). *Self-directed learning*. Cambridge: The Adult Education Company.
- Macedo-Rouet, M., Braasch, J.L.G., Britt, M.A & Rouet, J.F. (2013). Teaching Fourth and Fifth Graders to Evaluate Information Sources During Text Comprehension. *Cognition and Instruction*, 31(2), 204-226, 204-226.
- Maimunah Nasir & hashimah Mohd Yunus. (2017). Peranan Guru Tingkatan Enam dalam Membentuk Pelajar Terarah Kendiri dan Meningkatkan Kemahiran Abad ke-21. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 5(1), 1- 6.
- Merkt, M., Werner, M., & Wagner, W. (2017). Historical Thinking Skills and Mastery of Multiple Documents Tasks. *Learning and Individual Differences*, 54, 135-146.
- Mistirine Radin, M. Al-Muz-zammil Yasin. (2018). The implementation of 21st century education in Malaysia: A preliminary review. *Sains Humanika*, 10(3-2), 1-6.
- Nofiyah Mardiani, Umamah & Murni Winarsih (2019). Masteri sejarah masa Hindu-Buddha dan Penggunaan Sumber belajar sejarah dalam pembelajarannya di SMK. *Tamadun*, 7(2), 328-347.
- Nokes, J.D. (2014). Elementary students' Roles and Epistemic Stances during Document Based History Lessons. *Theory & Research in Social Education*, 42, 375-413.
- Nunnally, J.C. (1978). *Psychometrie Theory* (2nded.). New York: McGraw Hill.
- Ors, M. (2018). The Self Directed Learning readiness Level of the undergraduate students of midwife and nurse in terms of sustainability in nursing and midwife *Education.Sustainability*, 10 (3574), 1-14. doi:10.3390/su/10102574
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2003) *Huraian Sukatan Pelajaran Sejarah Tingkatan Empat*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2015). *Dokumen Standard Sekolah Menengah Sejarah Tingkatan Satu*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Reisman, A. (2012). The "Document-Based Lesson": Bringing Disciplinary inquiry into high school history classrooms with adolescent struggling readers. *Journal of Curriculum Studies*, 44(2), 233-264.
- Siska, Y. (2018). Korelasi sikap, minat dan motivasi belajar dengan pengetahuan sejarah local lampung. *Mimbar Sekolah Dasar*, 5(1), 51-62.
- Srikumar Chakravarthi & Priya Vijayan (2010). Analysis of the psychological impact of problem based learning (PBL) towards self-directed learning among students in undergraduate medical education. *International Journal of Psychological Studies*, 2(1), 38-43.
- Tal, T., Levin-Peect, R & Levy, K.S. (2019). Teacher views on inquiry based learning: the contribution of diverse experiences in the outdoor environment. *Innovation & Education*, 1(2), 1-17.
- Terhart, E. (2003). Constructivisme and teaching: a new paradigm in general didactics? *Journal of Curriculum Studies*, 35(1), 25-44.

- Tillema, H.H. (2000). Belief change towards self-directed learning in student teachers: immersion in practice or reflection on action. *Teaching and Teacher Education, 16*(5), 575-591.
- Wang, N.C, Hicks, D., Quigley, P., & Luther, K. (2019). Read-Agree-Predict: A crowdsourced approach to discovering relevant primary sources for historians. *Human Computation, 6*(1), 147-175.
- Wiley, J., Griffin, T.D., Steffens, B & Britt, M.A. (2019). Epistemic belief about the value of integrating information across multiple documents in history. *Learning & Instruction, 65*, 1-16.